



1 FEBRUARI 2015

**KENYATAAN MEDIA
YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

“IBU BAPA DIGESA TINGKATKAN KESELAMATAN ANAK-ANAK”

Saya berasa lega dan bersyukur apabila mendengar kes penculikan seorang kanak-kanak lelaki berumur lima tahun di Klang pada 22 Januari lepas yang penculiknya telah berjaya ditangkap oleh pihak polis seperti yang dilaporkan oleh media hari ini. Terima kasih diucapkan kepada pihak polis kerana bertindak pantas dalam menyelesaikan kes tersebut.

Saya menyarankan agar ibu bapa, penjaga dan masyarakat supaya lebih memberi keutamaan kepada keselamatan anak-anak mereka tidak kira apabila berada di dalam mahupun di luar rumah agar perkara yang tidak diingini dapat dielakkan.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) Melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bersedia untuk menyediakan perkhidmatan kaunseling kepada ibu bapa dan ahli keluarga khususnya kanak-kanak tersebut untuk mengatasi trauma akibat daripada kejadian yang menimpa dan lain-lain perkhidmatan sekiranya bersesuaian.

YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM